SIARAN MEDIA
Untuk Siaran Segera

MSM CATAT KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI SEBANYAK RM8 JUTA BAGI SUKU PERTAMA TAHUN KEWANGAN 2025

Terus memantau peningkatan kos pengeluaran

KUALA LUMPUR, 22 MEI 2025 – MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), pengeluar jenama gula bertapis terkemuka negara "Gula Prai", mencatatkan keuntungan sebelum cukai (PBT) sebanyak RM8 juta bagi suku pertama tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2025 (S1TK2025). Ini merupakan penurunan sebanyak 88 peratus berbanding PBT sebanyak RM66 juta yang direkodkan pada suku yang sama tahun lalu (S1TK2024), disebabkan oleh Purata Harga Jualan (ASP) yang lebih rendah dan penurunan jumlah jualan, yang mengatasi manfaat kos pengeluaran yang lebih rendah.

Dari segi operasi, Kumpulan telah mencapai pengurangan kos pengeluaran sebanyak 10 peratus berbanding S1TK2024, didorong oleh penurunan harga NY11 dan kadar pertukaran asing yang lebih baik. Hasil bagi S1TK2025 berjumlah RM750 juta, iaitu 17 peratus lebih rendah berbanding RM907 juta pada S1TK2024. Penurunan hasil terutamanya disebabkan oleh jumlah jualan yang lebih rendah dan penurunan harga jualan purata.

Kumpulan melaporkan faktor penggunaan kapasiti (UF) yang lebih rendah sebanyak 47 peratus pada S1TK2025, berbanding 52 peratus dalam tempoh yang sama S1TK2024 berikutan penutupan kedua-dua kilang penapisan, namun ia berjaya diimbangi oleh konsistensi dalam hasil kecekapan.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Syed Feizal Syed Mohammad berkata, "Industri gula dijangka menghadapi masalah yang berterusan pada 2025, didorong oleh kos input yang kekal tinggi serta turun naik harga gula mentah berikutan pengeluaran global yang tidak menentu. Amalan lambakan gula yang diimport ke negara ini tanpa kawalan juga telah memberi kesan kepada jumlah jualan dan harga. Bagaimanapun, perkara itu telah dibangkitkan oleh industri gula tempatan secara bersama dengan pihak berkuasa kerajaan untuk tindakan anti-lambakan yang diperlukan. Industri gula tempatan bersama menjangkakan perkara itu dapat diselesaikan dalam memastikan kestabilan harga dan keterjaminan makanan. Sementara itu di peringkat global, kami tetap berwaspada terhadap ketegangan geopolitik yang semakin meningkat dan perang perdagangan yang berterusan, kedua-duanya berpotensi memberi risiko kepada rantaian bekalan global, aliran perdagangan dan kestabilan mata wang.

"Dari segi operasi, kami akan terus memaksimumkan penggunaan aset sedia ada. Bagi MSM Prai, matlamatnya adalah untuk mengekalkan prestasi tinggi dengan UF melebihi 80 peratus, sasaran hasil sekitar 97 peratus dan kecekapan tenaga di bawah 1.0 Ts/Tr. Dengan operasi MSM Johor yang kini stabil, tumpuan akan diberikan kepada peningkatan kapasiti kepada 45 peratus UF, dengan sasaran hasil sebanyak 94 peratus serta penambahbaikan berterusan dalam penggunaan tenaga. Penyempurnaan Boiler 3 di Johor menjelang akhir tahun 2025 dijangka akan meningkatkan lagi kapasiti pengeluaran dan kecekapan operasi," kata Syed Feizal.

"MSM terus memaksimumkan pasaran domestik dan mengoptimumkan kehadiran eksport, disokong oleh permintaan yang stabil serta peluang yang semakin meningkat dalam segmen produk nilai tambah. Kami menyasarkan untuk meluaskan kehadiran pasaran kami, khususnya di China dan rantau ASEAN, termasuk Vietnam, Indonesia, Singapura dan Filipina. Matlamat kami adalah untuk meningkatkan jumlah eksport kepada 360,000 MT pada 2025, dengan penekanan kepada produk tambah nilai seperti gula cecair dan campuran pra-siap (premix) daripada MSM Johor. Pendekatan kepelbagaian ini akan mengukuhkan lagi jejak eksport kami dan membantu mengurangkan ketidaktentuan pasaran domestik," tambah Syed Feizal.

MSM terus bekerjasama secara aktif dengan Kerajaan untuk memuktamadkan mekanisme penetapan harga yang mampan bagi pasaran runcit domestik serta mencadangkan langkah berkesan untuk mengawal selia gula bertapis yang diimport — inisiatif utama yang bertujuan untuk melindungi keterjaminan makanan negara dan memastikan kelangsungan jangka panjang industri gula.

MSM telah disenaraikan dalam Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia (F4GBM) dan FTSE4GOOD Bursa Malaysia Shariah (F4GBMS), susulan peningkatan inisiatif Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) yang diiktiraf oleh ambang penarafan FTSE Russell, UK.

Sejak tahun 1964, MSM telah mengukuhkan kedudukannya sebagai kilang penapisan gula negara yang terkemuka dan berada di antara 10 penapisan terbaik di dunia. Pertumbuhan MSM disokong oleh rangka kerja ESG yang kukuh yang disepadukan sepenuhnya dalam perniagaan dan operasi. MSM memajukan ekonomi kitaran melalui inisiatif sisa kepada hijau atau 4R dan secara aktif mengurangkan jejak karbonnya. MSM menyasarkan untuk mencapai karbon neutral menjelang 2030.

-TAMAT-

Maklumat MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) ialah pengeluar gula bertapis terkemuka Malaysia dan salah satu syarikat penapis gula terbesar di Asia. MSM terlibat dalam pengeluaran, pemasaran dan penjualan produk gula bertapis di bawah jenama “Gula Prai”. Syarikat ini menjalankan perniagaan terutamanya melalui dua anak syarikatnya, MSM Prai Berhad dan MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd. Di samping itu, MSM juga mengendalikan sebuah syarikat logistik – MSM Logistics Sdn Bhd.

Pada masa ini, kapasiti pengeluaran tahunan MSM mencecah 2.05 juta tan gula bertapis. Pada tahun 2024, MSM mengeluarkan sebanyak 1,104,290 MT gula bertapis, di mana 258,932 MT adalah untuk pasaran eksport. Ketika ini, MSM menguasai sehingga 60% syer pasaran domestik. MSM telah disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia sejak 28 Jun 2011 dan mempunyai modal pasaran sebanyak RM830 juta pada 31 Disember 2024. MSM menggabungkan kejayaan ekonomi bersama perlindungan alam sekitar dan tanggungjawab sosial untuk masa depan yang mampan.

MSM menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehinggalah ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama “Gula Prai”. MSM juga turut menjual ‘molasses’ sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis antara lain-lain produknya. Selain daripada produk pengguna isi rumah, MSM menjual kepada pelbagai pelanggan di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung melalui pedagang, pemborong dan pengedar. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar dalam industri minuman dan makanan, hotel, restoran dan rangkaian kedai-kedai makanan.

Untuk maklumat lanjut, sila layari **www.msmsugar.com**

Pernyataan Berpandangan Ke Hadapan

Beberapa pernyataan dalam laporan ini mengenai operasi MSM adalah berbentuk pernyataan yang berpandangan ke hadapan. Pernyataan ini boleh dikenal pasti dengan kata-kata kunci seperti “percaya”, “menganggarkan”, “mengharapkan”, “menjangka”, “berhasrat”, “mungkin”,“akan”, “merancang”, “prospek” dan perkataan lain yang mempunyai maksud yang berkaitan dengan perbincangan mengenai prestasi operasi atau kewangan masa hadapan. Pernyataan ini berkaitan dengan rancangan, objektif, matlamat, strategi, operasi dan prestasi masa hadapan MSM. Keputusan dan hasil sebenarnya mungkin berbeza daripada yang diunjurkan dalam mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan disebabkan oleh pelbagai peristiwa, risiko, ketidakpastian dan faktor lain yang terlibat. Kami tidak berhasrat atau tidak menanggung apa-apa obligasi untuk mengemas kini atau meminda mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan, sama ada disebabkan oleh maklumat baharu, peristiwa masa hadapan atau sebaliknya.

Untuk pertanyaan media sila hubungi:

Siti Noorbaya Mohd Yunus
+6016 677 6118
noorbaya.my@msmsugar.com

Syahidah Ismail
+6019 225 9705
syahidah.i@msmsugar.com